



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS MENANDATANGANI NOTA KERJASAMA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA DAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN BAGI PROJEK KEBUNITI KELUARGA MALAYSIA

7 Ogos 2022, Serdang - Satu (1) Nota Kerjasama dimeterai antara Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) pada hari ini bagi mewujudkan kolaborasi strategik antara KPN dan MAFI dalam bidang kerjasama melibatkan pembangunan Program Pertanian Komuniti iaitu Projek Kebuniti Keluarga Malaysia.

2. Melalui kerjasama ini, KPN akan menyertai Jawatankuasa sedia ada iaitu Jawatankuasa Dasar dan Koordinasi Program Pertanian Komuniti Bandar yang melibatkan pelbagai Kementerian, Jabatan dan Agensi yang berkaitan.

3. Kedua-dua Kementerian akan merangka dan melaksanakan program-program pembangunan dan pengembangan projek-projek pertanian yang dilaksanakan oleh Komuniti Rukun Tetangga di seluruh negara. Inisiatif ini akan dapat membantu mengukuhkan rantai bekalan makanan negara dan meringankan kos sara hidup komuniti.

4. Skop kerjasama yang telah dipersetujui antara kedua-dua Kementerian ialah dari segi khidmat nasihat, latihan dan kursus pengembangan projek, khidmat teknikal, input pertanian, pemantauan dan penilaian projek, perluasan Kebuniti KRT

dalam Komuniti Rukun Tetangga serta skop kerjasama lain yang dipersetujui antara KPN dengan MAFI dari semasa ke semasa.

5. Pada peringkat permulaan, kerjasama ini akan menumpukan kepada pembangunan dan pengembangan 111 Projek Kebuniti KRT sedia ada, dan seterusnya akan diperluaskan secara berperingkat kepada lebih banyak KRT di seluruh negara. Sehingga Jun 2022, terdapat sebanyak 8,330 KRT telah ditubuhkan di seluruh negara.

6. Nota kerjasama ini telah ditandatangani oleh YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan disaksikan oleh YB Datuk Halimah binti Sadique, Menteri Perpaduan Negara dan YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan.

Kementerian Perpaduan Negara

7 Ogos 2022

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

Pertanyaan media

Unit Komunikasi Korporat,

Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (140)